



**SURAT PEMBERITAHUAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**BILANGAN 10/2023**

**PROGRAM PENSIJILAN PERKERANIAN BAGI TAHUN 2023**

Dengan hormat sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa Jabatan dan Kementerian untuk mencalonkan kakitangan yang layak untuk mengikuti Program Pensijilan Perkeranian yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam. Syarat-syarat untuk mengikuti program tersebut adalah seperti berikut:-

**1. SYARAT-SYARAT UTAMA**

- 1.1 Pemegang jawatan **Kerani** yang dilantik mulai tahun 2016 yang **belum pernah mengikuti** program tersebut.

**2. JADUAL PROGRAM**

- 2.1 Institut Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah keramaian bagi program yang dijalankan. Bengkel-bengkel yang terkandung dalam program berkenaan adalah seperti berikut:

2.1.1 Perkeranian Asas

2.1.2 Pembangunan Diri

2.1.3 Penggunaan ICT

2.1.4 Induksi (bagi yang belum pernah mengikuti)

N



- 2.2 Empat (4) bengkel ini perlu dihadiri dalam tempoh satu tahun mengikut kalendar latihan Institut Perkhidmatan Awam.
- 2.3 Sijil hanya akan dikeluarkan apabila calon telah menghadiri semua bengkel di perenggan 2.1 dan lulus penilaian bagi bengkel-bengkel di perenggan 2.1.1 hingga 2.1.3.

### 3. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 3.1 Pencalonan akan dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing, sepertimana yang dijelaskan dalam memorandum Jabatan ini bilangan (57)JPA/1.5/SSM/1/2022 bertarikh 17 Rabiulawal 1444/13 Oktober 2022 bertajuk "Penggunaan Modul *Training and Event Management* Sistem Sumber Manusia."
- 3.2 *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end SSM* mengenai pencalonan yang telah dihadapi iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status pencalonan tersebut di Kementerian/Jabatan masing-masing.

### 4. HAL – HAL LAIN

- 4.1 Kakitangan yang dicalonkan hendaklah memaklumkan Institut Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk mengikuti bengkel:
  - 4.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh bengkel dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;
  - 4.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh bengkel bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.

Rujukan : JPA/1.6/14/1

Tarikh : 22 Ramadhan 1444 / 13 April 2023



4.2 Institut Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari mengikuti bengkel tanpa maklumat dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula calon bagi bengkel yang akan datang.

## 5. KETERANGAN LANJUT

Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus dengan pihak Institut Perkhidmatan Awam di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2452223 sambungan 307

E-mel : [mc@ipa.gov.bn](mailto:mc@ipa.gov.bn)

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk maklumat bersama.

وَاللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ

*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"*  
*"Warga Berilmu, Negara Maju"*

[ DR NORFARIZAL BIN OTHMAN ]  
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.6

Tarikh : 22 Ramadhan 1444 13 April 2023